

SOP cek suhu dan buku check in dimansuhkan bermula 11 Februari

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

8 Februari 2022

KUALA LUMPUR – Prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pemeriksaan suhu badan dan buku rekod 'check in' atau daftar masuk akan dimansuhkan bermula 11 Februari ini.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, dengan pemansuhan ini, pihak pemilik premis tidak lagi diwajibkan untuk menyediakan alat pengimbas suhu dan buku rekod di pintu-pintu masuk premis.

Bagaimanapun katanya, daftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera masih diwajibkan seperti biasa.

"Walaupun bagaimanapun, sekiranya pemilik premis masih ingin meneruskan pelaksanaan SOP pemeriksaan suhu dan buku rekod 'check in' ini, kerajaan amat mengalu-alukan dan menggalakkannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Kuartet Menteri di Wisma Pertahanan di sini hari ini. – K! ONLINE